



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Bahagian Perdagangan Dalam Negeri  
No. 13, Aras 4,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 8882 5500  
Faks: 603 8882 5981/5941  
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my

KPDNKK. (S) 600 14/4/1 Jilid 12 (114)  
28 Januari 2020

**SEGERA DENGAN FAKS DAN POS**

YBrs. Dr Ahmad Parveez Hj Ghulam Kadir  
Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan  
Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran,  
47301 Kelana Jaya,  
**SELANGOR**

No. Faks : 03 - 7803 4014

YBrs. Dr,

**PERMOHONAN MEMBUNGKUS MINYAK MASAK PEK POLIBEG 1 KG UNTUK TUJUAN  
EKSPORT OLEH PEMEGANG KUOTA DI BAWAH SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK  
MASAK (COOKING OIL STABILIZATION SCHEME-COSS)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBrs. Dr sedia maklum, Kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force COSS* (TFCOSS) yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP. Fungsi jawatankuasa tersebut adalah bagi membincangkan isu – isu pelaksanaan COSS dan menambahbaik kaedah penyelesaian bagi isu – isu yang berbangkit. Berdasarkan maklum balas dari wakil MPOB pada Mesyuarat TFCOSS Bilangan 3 Tahun 2019 yang diadakan pada 31 Oktober 2019 dimaklumkan bahawa terdapat permohonan eksport turut diterima daripada syarikat pemegang kuota COSS.
3. Susulan itu, Kementerian ini telah menjalankan naziran ke atas premis syarikat yang memohon eksport bagi menilai kesesuaian kebenaran diberikan kepada pemegang kuota COSS (pek polibeg 1 Kg bersubsidi) untuk turut membungkus pek polibeg 1 Kg eksport.
4. Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, Kementerian ini tiada halangan bagi syarikat pemegang kuota COSS untuk membungkus dan mengeksport minyak masak pek polibeg 1 Kg setelah syarikat berkenaan mematuhi syarat – syarat berikut:



- (i) Terdapat pengasingan tangki, perpaipan antara minyak subsidi dan bukan subsidi;
- (ii) Penggunaan mesin/peralatan pengeluaran yang sama adalah dibenarkan dengan syarat jadual pengeluaran dan hari pengeluaran adalah pada hari yang berbeza daripada minyak bersubsidi;
- (iii) Terdapat dua (2) buku stok atau rekod pergerakan penggunaan/ pengeluaran bagi minyak subsidi dan minyak tanpa subsidi;
- (iv) Terdapat cetakan perkataan **FOR EXPORT PURPOSE ONLY** pada pek polibeg dan kotak minyak masak 1 Kg polibeg yang hendak diekspor;
- (v) Syarikat mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (PKKB) 1974; dan
- (vi) Syarikat perlu mematuhi lain-lain prosedur dan keperluan dokumentasi eksport yang ditetapkan oleh Jabatan-jabatan lain yang berkaitan.

5. Sehubungan itu, Kementerian ini memohon pihak YBrS. Dr. untuk memanjangkan permohonan eksport bagi minyak masak pek polibeg 1 Kg yang diterima oleh MPOB daripada syarikat – syarikat pemegang kuota COSS kepada Kementerian ini untuk dibuat naziran pematuhan syarat – syarat seperti di para empat (4) terlebih dahulu sebelum kelulusan eksport diberikan oleh pihak YBrS. Dr.

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada Encik Zalirizal Bin Abdul Rahman @ Ali di talian 03 – 8882 5841 atau emel [zalirizal@kpdnhep.gov.my](mailto:zalirizal@kpdnhep.gov.my).

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBrS. Dr. berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AMRAN BIN AHMAD)**

Pengarah Kanan

Sektor Barang Kawalan Dan Subsidi

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Hal Ehwal Pengguna

**s.k:**

**KSU**

**TKSU (PDN)**

**P (P)**

**P (BSB)**

Pengarah  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah  
Tingkat 4 & 6, Blok A  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**